

15 SEP 1997

TIADA LANGKAH BARU BUAT MASA INI, KATA HERBERT

SEPANG, 15 Sept (Bernama) -- Kerajaan tidak akan memperkenalkan sebarang langkah baru buat masa ini untuk memulihkan sentimen lemah di pasaran saham dan pasaran matawang, kata ketua setiausaha kementerian kewangan Tan Sri Clifford Herbert hari ini.

"Buat sementara waktu, kita telah lakukan apa yang sepatutnya dibuat," katanya kepada pemberita sebelum menyaksikan ujian pendaratan sulung oleh sebuah pesawat Boeing 747 Penerbangan Malaysia di Lapangan Terbang Antarabangsa KL yang baru di sini.

Baru-baru ini kerajaan memperkenalkan beberapa langkah untuk mengurangkan defisit akaun semasa termasuk mengurangkan import dan menundakan beberapa projek besar.

Herbert berkata pasaran saham kini sedang stabil dan menambah bahawa pengurus dana asing nampaknya berpuas hati dengan apa yang dilakukan oleh kerajaan baru-baru ini untuk memperbaiki sentimen lemah dalam pasaran.

"Seperti yang dapat dilihat, pasaran kini sedang stabil dan keyakinan mulai pulih," katanya asambil menambah bahawa "kita akan memerhatikan perkembangannya."

Semalam, perdana menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengadakan dialog selama 90 minit dengan kira-kira 60 orang pengurus dana dari Amerika Syarikat, United Kingdom, Singapura, Taiwan dan Hong Kong. -- BERNAMA

DAB SIA